

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BULAN BAHASA DAN SASTERA NEGARA 2000**  
**DI DEWAN MERDEKA, PUSAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA PUTERA**  
**7 SEPTEMBER 2000**

-----

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat-nya dan dengan izin-Nya jua kita semua dapat berhimpun pada pagi yang berbahagia ini dalam satu majlis yang sungguh bermakna pada kita semua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak penyelenggara Bulan Bahasa dan Sastera Negara, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengundang saya untuk merasmikan majlis ini.

2. Tahun ini merupakan tahun kedua Bulan Bahasa dan Sastera Negara disambut; kali pertama ialah pada tahun 1999. Kerajaan telah meluluskan acara ini sebagai acara negara berdasarkan pertimbangan bahawa pembangunan dan kemajuan negara tidak boleh diukur daripada aspek fizikal dan kebendaan semata-mata, sebaliknya perlu menyeluruh dan bersepadu. Dalam hubungan ini, bahasa dan sastera sebagai unsur penting kebudayaan dan tamadun bangsa dan negara tidak boleh dipandang sepi dalam arus pembangunan negara. Hakikat ini disedari oleh kerajaan sejak awal kita mencapai kemerdekaan, bahkan perancangannya telah bermula sebelum tarikh kemerdekaan lagi.

3. Setahun sebelum kemerdekaan, iaitu pada tahun 1956, Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan atas kesedaran bahawa persediaan perlu dimulakan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu bagi sebuah negara baru yang berdaulat. Pada tahun itu juga, jawatankuasa pelajaran yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak, allahyarham, selaku Menteri Pelajaran pada waktu itu ditubuhkan dan sebagai hasilnya, telah dirumuskan peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama bagi sistem pendidikan di negara ini.

4. Kesedaran kerajaan akan pentingnya bahasa tercermin dalam kerangka perancangan pembinaan negara yang meliputi seluruh aspek kehidupan bernegara, iaitu politik, ekonomi, undang-undang, kebudayaan, pendidikan dan tidak ketinggalan bahasa. Untuk setiap aspek itu kerajaan telah mengadakan perancangan yang rapi lagi terarah supaya dengan adanya kerangka itu, proses pembinaan negara kita dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berjaya mencapai cita-cita pembentukan negara yang berdaulat dan bermaruah.

5. Dalam hubungannya dengan majlis kita pada hari ini, dasar bahasa kebangsaan yang sama-sama kita rangka dan kita terima telah memperlihatkan hasil yang nyata. Dengan adanya bahasa kebangsaan, perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan telah dapat kita wujudkan. Bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi umum rakyat yang merentas kumpulan etnik telah menjadi salah satu unsur terpenting dan berkesan dalam menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Dengan demikian bahasa kebangsaan telah berperanan sebagai asas pembentukan jati diri dan citra bangsa Malaysia. Tepatlah, pada hemat saya, tema Bulan Bahasa dan Sastera Negara tahun ini diungkapkan sebagai "Bahasa dan Sastera Citra Negara".

6. Selain berperanan sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi unsur menyatu padukan rakyat, Bahasa Melayu juga turut memainkan peranan sebagai bahasa rasmi negara. Kedudukan dan peranannya sebagai bahasa rasmi telah dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu sebagai bahasa yang sepatutnya digunakan dalam urusan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa awam. Sekiranya semua pihak menghayati semangat yang dinukilkan dalam perlembagaan itu, Bahasa Melayu pasti dapat berperanan sebagai alat komunikasi rasmi yang berkesan dalam pelaksanaan pentadbiran negara di semua peringkat.

7. Tidak dapat dinafikan bahawa semua urusan pentadbiran terlaksana melalui komunikasi yang asasnya ialah bahasa, baik yang berbentuk lisan mahupun yang berbentuk tulisan. Mesyuarat, taklimat, perbincangan, ucapan, syarahan, memo, notis, surat, laporan, pekeliling dan sebagainya merupakan antara unsur dalam pentadbiran yang memerlukan keterampilan berbahasa yang rasmi pada para pentadbir di semua peringkat. Kecekapan berbahasa, dalam hal ini, jelas memberikan dampak terhadap kecekapan pentadbiran.

8. Satu lagi peranan Bahasa Melayu yang tidak kurang pentingnya dalam proses pembinaan negara kita ialah sebagai bahasa ilmu. Selaras dengan usul Penyata Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960 serta Akta Pendidikan 1961 dan kemudian Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu sehingga kini telah berjaya menjadi bahasa penghantar ilmu yang utama dari peringkat sekolah rendah hingga ke pusat pengajian tinggi dalam pelbagai bidang ilmu.

9. Keupayaan Bahasa Melayu menjadi wahana komunikasi ilmu moden memberikan makna yang cukup besar kepada pembinaan tamadun bangsa dan negara kita kerana dalam sejarah tamadun manusia dari dahulu hingga kini, ilmulah yang menjadi sendi nya. Oleh sebab itu di samping kerajaan memberikan perhatian kepada penguasaan bahasa-bahasa asing yang dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara, khususnya dalam bidang ekonomi dan industri, peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak mungkin dapat dikorbankan.

10. Saya suka menegaskan bahawa tidak ada sama sekali niat atau perancangan kerajaan untuk mengurangkan peranan Bahasa Melayu di negara ini. Restu dan dukungan yang diberikan oleh kerajaan kepada apa-apa sahaja program bahasa dan sastera, termasuk Bulan Bahasa dan Sastera Negara yang diangkat sebagai kegiatan negara ini senantiasa kekal atau konsisten sejak dahulu hingga kini. Jika ada sungutan sedikit terhadap dominasi bahasa asing di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, kerajaan akan memastikan bahawa Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang sebenarnya mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dipatuhi.

11. Selain kesan positif daripada sudut pengayaan Bahasa Melayu, dan secara langsung pengayaan budaya Melayu dan Malaysia, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah juga berjaya membentuk generasi baharu yang memperlihatkan kesatuan nilai, sikap, pandangan hidup dan cita-cita. Kini Bahasa Melayu telah menjadi bahasa milik bersama dan digunakan oleh seluruh generasi muda dengan fasihnya hingga sukar untuk kita bedakan keturunan asal anak-anak kita itu berdasarkan bahasa yang digunakan.

12. Dalam hal ini, saya percaya kepada teori bahasa yang menegaskan besarnya pengaruh bahasa kepada pemikiran dan budaya seseorang. Ungkapan yang berbunyi "Bahasa Baharu, Budaya Baharu" pada hemat saya menepati situasi yang berlaku di negara kita di kalangan masyarakat yang berbilang keturunan. Bahasa Baharu dalam ungkapan itu merujuk kepada bahasa kebangsaan yang pada mulanya baharu kepada beberapa kumpulan etnik, bukan sahaja keturunan Cina, India dan sebagainya bahkan juga kepada keturunan Jawa, Bugis, Banjar, Aceh, Rawa dan sebagainya tetapi kemudian telah menjadi acuan pemikiran, sikap dan pandangan hidup mereka sebagai satu bangsa persatuan, iaitu Bangsa Malaysia.

13. Walaupun pada dasarnya kita berpuas hati akan kejayaan Bahasa Melayu dalam mendepani cabaran dunia moden, namun masih banyak yang perlu kita usahakan untuk memastikan kelangsungan Bahasa Melayu, baik di peringkat negara mahupun di peringkat antarabangsa. Saya sedar bahawa pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa urusan pentadbiran khususnya masih perlu ditingkatkan oleh seluruh penggerak jentera pentadbiran awam, baik di peringkat pusat, negeri mahupun pihak berkuasa awam. Peruntukan undang-undang yang telah sedia ada, terutama undang-undang kecil yang berkaitan dengan penamaan syarikat, jenama, bangunan, pengiklanan, dokumen dan sebagainya perlulah dipatuhi dengan tidak perlu menunggu penganan peraturan lain.

14. Bagi saya yang penting ialah keikhlasan semua pihak, baik di sektor awam mahupun di sektor swasta dalam melaksanakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Semua pihak mestilah melakukan penyelarasan supaya tidak berlaku sikap lepas tangan terhadap penguatkuasaan penggunaan Bahasa Melayu di tempatnya yang wajar.

15. Media massa pula, baik media elektronik mahupun media cetak perlu memberikan perhatian kepada tanggungjawab sosial dan negara dalam hal penggunaan bahasa, di samping memikirkan aspek komersil. Khidmat nasihat bahasa yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah dimanfaatkan sebaik-baiknya supaya bukan sahaja Bahasa Melayu digunakan bahkan digunakan dengan mutunya yang tinggi. Seruan sebegini bukanlah pertama kali dibuat oleh kerajaan bahkan telah berulang kali disebut. Sampai di satu tahap, kerajaan akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang tidak menghormati Dasar Bahasa Kebangsaan kita.

16. Di samping itu eloklah semua pihak menjadikan Dewan Bahasa sebagai tempat rujukan kerana badan tersebut memang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melalui perancangan bahasa dan sastera dan juga penerbitan. Bagaimanapun Dewan Bahasa dan Pustaka memerlukan sokongan semua pihak untuk melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan kita kerana tanggungjawab terhadap dasar negara terletak pada semua pihak di negara ini.

17. Di pihak yang lain pula, usaha menyeirinkan Bahasa Melayu dengan kepesatan kemajuan teknologi canggih hendaklah ditingkatkan agar Bahasa Melayu tidak ketinggalan dalam arus perdana kemajuan dunia. Dalam bidang teknologi maklumat khususnya, mesti diusahakan peluasan penggunaan Bahasa Melayu supaya kita bukan sahaja kaya dengan ilmu dan maklumat dari seluruh pelosok dunia melalui sistem langit terbuka, bahkan turut memajukan bahasa kita dalam pelbagai bidang moden.

18. Ahli bahasa dan para ahli teknologi kita hendaklah berganding bahu menghasilkan perisian komputer dalam pelbagai bidang dalam Bahasa Melayu untuk dimanfaatkan oleh masyarakat, khususnya generasi muda. Kita tidak seharusnya hanya terus-menerus menyalahkan pihak lain apabila khazanah maklumat melalui teknologi canggih dipenuhi dengan maklumat dalam bahasa asing. Kita perlu berbuat sesuatu.

19. Dalam rangka kerjasama Bahasa Melayu Serantau dan Antarabangsa, misalnya, di samping menyelaraskan kegiatan kebahasaan yang berkaitan dengan korpus bahasa, penyelidikan dan pengajaran, alangkah baiknya diusahakan rangkaian penyaluran maklumat dalam Bahasa Melayu atas usaha sama para sarjana pengajian Melayu yang telah diluluskan penubuhannya oleh kerajaan pada 2 Julai 1997 dan dilancarkan pada 21 Ogos 2000 lalu harus memainkan peranan tersebut.

20. Kerajaan memang menyambut baik dan menyokong penuh usaha Dewan Bahasa dan Pustaka meletakkan agenda menjadikan Bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa komunikasi rasmi di negara-negara Asia Tenggara menjelang tahun 2005 dan sebagai salah satu bahasa komunikasi rasmi di Pertubuhan Bangsa Bersatu menjelang tahun 2020. Daripada segi kerajaan, agenda itu dapat dimulakan dengan penggunaan Bahasa Melayu dalam majlis dan dalam urusan antara kerajaan negara-negara berbahasa Melayu. Demikian juga acara serantau dan antarabangsa yang berlangsung di negara berbahasa Melayu perlu dilaksanakan dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utamanya. Hal ini sebenarnya telahpun dilaksanakan dalam Sukan Komanwel yang berlangsung di negara kita pada tahun 1998 dan insya-Allah dapat dilaksanakan dalam acara lain seumpama itu.

21. Berkaitan dengan sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) yang dirasmikan pada hari ini, saya berasa gembira kerana sejak dilancarkan pada tahun lalu, program ini telah mula memperlihatkan kesan yang positif. Saya dimaklumkan bahawa pada tahun lalu, iaitu kali pertama BBSN dilancarkan, kegiatan boleh dikatakan agak terpusat di ibu negara dengan beberapa kegiatan di sana sini di peringkat negeri.

22. Alhamdulillah pada tahun ini urus setia BBSN yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat mengadakan penyelarasan yang kemas dengan kerajaan negeri sehingga semua kerajaan negeri telah mengatur rancangan masing-masing dan akan mengadakan majlis pelancaran di peringkat negeri masing-masing. Syabas Dewan Bahasa dan Pustaka.

23. Saya gembira juga kerana satu kegiatan induk yang diberi nama Kembara Bahasa yang melibatkan semua negeri dan pelbagai lapisan anggota masyarakat di seluruh negara telah dirancang dan akan dilaksanakan pada minggu ketiga BBSN. Kegiatan ini yang julung-julung kali diadakan insya-Allah akan dapat mengukuhkan perpaduan seluruh rakyat, memupuk kerjasama, meningkatkan kesedaran berbahasa dengan baik dan tidak kurang menggalakkan penghargaan akan keindahan tanah air kita.

24. Saya difahamkan juga bahawa semua peserta dari seluruh negara itu yang akan disertai pula oleh warga ibu kota akan mengadakan perhimpunan Peranan Bahasa dan Sastera Kebangsaan dalam pembinaan serta pengukuhan jati diri bangsa dan negara. Saya berharap bahawa mulai tahun hadapan difikirkan penglibatan rakan-rakan kita dari Sabah dan Sarawak untuk menyertai program Kembara Bahasa ini walaupun pada tahun ini mereka menyambut BBSN di peringkat negeri masing-

masing disebabkan faktor geografi.

25. Akhirnya, saya berdoa dan berharap bahawa Bulan Bahasa dan Sastera Negara akan meningkatkan kesedaran seluruh rakyat, terutama penggerak jentera pentadbiran negara, pimpinan sektor pendidikan, swasta, perdagangan dan sektor-sektor lain tentang pentingnya mereka mengisi Dasar Bahasa Kebangsaan yang terbukti telah dapat membentuk perpaduan rakyat dan dapat mengisi erti kemerdekaan yang kita capai melalui pelaksanaan fungsinya sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa ilmu.

26. Dengan harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya merasmikan Bulan Bahasa dan Sastera Tahun 2000.

Terima kasih.